

27 AUG 1997

LEBIH 100 PESERTA DIJANGKA SERTAI MMA '97

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Lebih 100 syarikat dijangka mengambil bahagian dalam Pameran dan Persidangan Multimedia Asia '97 (MMA '97) yang akan diadakan di Mines Resort selama empat hari bermula 16 September ini.

Pameran antarabangsa itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menyampaikan ucapan utamanya mengenai "Menggerakkan MSC daripada wawasan kepada Realiti - Mengukur Aras Penyelesaian Pintar," yang juga menjadi tema pameran dan persidangan terbabit.

Ia diatur oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan dianjurkan bersama antara MIMOS Bhd, Miller Freeman Sdn Bhd, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Di antara peserta-peserta pameran itu adalah Celcom, Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Bernama.

Setiausaha kekal NITC Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen berkata acara itu akan menumpukan kepada bahagian perisian dan aplikasi multimedia serta telekomunikasi.

"Walaupun jumlah peserta agak kecil tetapi kami lebih mementingkan kualiti daripada kuantiti," kata Tengku Azzman sambil menambah acara itu dijangka akan menarik lebih 20,000 pelawat daripada dalam dan luar negara.

-- BERNAMA

LES ZK/sia